

KAJIAN AKHIR SEJARAH SENIBINA.

TAJUK : SEJARAH DAN IDENTITI SENIBINA KOLONIAL INGGERIS  
DI BANDAR TAIPING PERAK.

DISEDIAKAN OLEH : HAFIZAH BINI BADARUZAMAN.

DIPLOMA SENIBINA, TAHUN 4, SEMESTER 8.

KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR,  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA,

SHAH ALAM,

SELANGOR.

I/C ITM : 84561408.

PENSYARAH : ENCIK ABDUL GHANI MOHD DESA.

JABATAN SENIBINA,

KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR,

INSTITUT TEKNOLOGI MARA,

SHAH ALAM,

SELANGOR..

Adalah disahkan bahawa Kajian Akhir Sejarah Senibina ini  
telah disediakan oleh :

HAFIZAH BINTI BADARUZAMAN


K/P ITM : 84561408.

TAHUN 04, SEMESTER 08.

Penulisan Kajian Akhir ini telah dibaca dan disemak oleh :

EN. ABDUL GHANI MOHD DESA.

PENSYARAH SEJARAH SENIBINA.



.....  
Tanda tangan.



.....  
Tarikh.

## Mukadimah

---

Penulisan kajian akhir ini terutamanya tertumpu kepada seni-bina kolonial tempatan yang mana ia dihasilkan melalui pengkajian dan penganalisan beberapa aspek secara dasar dan terperinci.

Kaitan pensejarahan menentukan fakta dan pendapat berhubung dengan faktor-faktor yang membawa kepada keujudan bentuk seni-bina tersebut di Tanah Melayu.

Seterusnya kajian ini juga akan cuba mengenalpasti asal usul dan latar belakang seni-bina kolonial. Sebagai kesimpulan penulis akan cuba menerangkan teori bahawa seni-bina kolonial mempunyai ciri-ciri identiti perihel rekabentuk yang dipengaruhi oleh keadaan sekeliling terutamanya iklim dan budaya masyarakat.

Bandar Taiping dijadikan kes kajian disebabkan latar belakang sejarah dan terdapatnya contoh-contoh bangunan yang sesuai bagi subjek kajian. Kajian akan meliputi perancangan awal bandar dan penganalisan individu keatas setiap bangunan yang dipilih. Dari itu kajian akhir ini akan dapat memuatkan pensejarahan seni-bina sebuah kawasan, bermula dari penempatan awal, perancangan kawasan dan pembinaan bangunan-bangunan berserta faktor-faktor pengaruhnya.

## Penghargaan

---

Dalam usaha saya menyediakan Kajian Akhir ini, saya telah menerima bimbingan dan tunjuk ajar daripada pensyarah saya.

Rakaman penghargaan ini ditujukan khas buat :

..... Encik Abdul Ghani Mohd Desa, pensyarah metapelajaran Sejarah Senibina.

Disamping itu, saya juga telah banyak menerima pertolongan daripada pihak-pihak tertentu, yang mana mereka telah bermurah hati dalam meluangkan sedikit masa untuk saya mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kajiselidik tersebut.

Disini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan saya kepada :

..... Encik Zakaria bin Din, Arkitek dari Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

..... Cik Norsiah Abdullah, Perancang Bandar dari Majlis Perbandaran Taiping, Perak.

..... Encik Hamid bin Mohd Isa, Pembantu Muzium Antiquiti Zen 11, dari Jabatan Muzium Taiping, Perak.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada ibu bapa saya - Encik Badaruzaman bin Abdullah dan Puan Hazimah bt. Mat Tahar, yang sentiasa berusaha dan berdoa untuk kebahagiaan dan kejayaan saya.

Dengan izin ALLAH dan kerjasama dari pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan tidak secara langsung, maka Kajian Akhir ini dapat diselesaikan. Hanya ALLAH sahajalah yang dapat membalasnya. Semoga semuanya sentiasa dalam lindunganNYA.

AMIN.....

## Isi Kandungan

|   |         |
|---|---------|
| 1.00. Pendahuluan   |         |
| 1.10. Pengenalan Umum   | 1 - 2   |
| 1.20. Matlamat Kajian   | 2 - 3   |
| 1.30. Skop Kajian   | 3       |
| 1.40. Methodologi Kajian  | 4 - 5   |
| <br>  |         |
| 2.00. Pengaruh Luaran Terhadap Perkembangan<br>Senibina Tempatan                                    | 6 - 8   |
| 2.10. Latar Balakang Senibina Kolonial  | 9 - 15  |
| 2.20. Ciri-ciri Rekabentuk Senibina<br>Kolonial   | 16 - 21 |
| <br>  |         |
| 3.00. Peranan Inggeris Sebagai Patronage<br>dalam Perkembangan Senibina Kolonial<br>di Tanah Melayu | 22 - 27 |
| <br>  |         |
| 4.00. Latar Belakang Sejarah Bandar Taiping   | 28      |
| 4.10. Sejarah Awal  | 29 - 34 |
| 4.20. Campurtangan Inggeris   | 35 - 40 |
| 4.30. Menjadi Ibukota   | 41 - 48 |
| 4.40. Keadaan Masyarakat Pada Masa<br>Pemerintahan Inggeris   | 49 - 55 |

|   |         |
|---|---------|
| 4.50. Kemudahan-kemudahan Infrastruktur<br>Yang Ada pada Masa Pemerintahan<br>Inggeris          | 56      |
| 4.51. Pengangkutan dan Perhubungan  | 57      |
| 4.52. Rekreasi dan Hiburan  | 58 - 59 |
| 4.53. Kemudahan Sukan   | 60 - 61 |
| <br>  |         |
| 5.00. Pendekatan Kajian Terhadap Beberapa Jenis<br>Bangunan Di Bandar Taiping                   | 62 - 63 |
| 5.10. Bangunan Pentadbiran  | 63 - 65 |
| 5.20. Bangunan Pelajaran  | 66      |
| 5.30. Bangunan Keselamatan dan Keamanan   | 67      |
| 5.40. Bangunan Perniagaan   | 68 - 69 |
| 5.50. Bangunan Kediaman   | 70 - 71 |
| 5.60. Bangunan Awam   | 72 - 74 |
| 5.70. Bangunan Keagamaan  | 75 - 77 |
| <br>  |         |
| 6.00. Kepentingan Senibina Kolonial Inggeris<br>dalam Konteksnya Terhadap Senibina<br>Tempatan. | 78 - 81 |
| <br>  |         |
| 7.00. Kesimpulan  | 82 - 84 |
| <br>  |         |
| Lampiran  |         |
| <br>  |         |
| Rujukkan  |         |

**Bab 1.00. Pendahuluan**



#### 1.10. Pengenalan Umum

Perkembangan senibina di Tanah Melayu sejak berkurun-kurun lamanya kaya dengan warisan unsur-unsur ketimuran dan kebaratan. Selepas senibina 'vernacular' berlalu, lahir pula senibina yang mempunyai ciri-ciri kebaratan. Senibina jenis ini lahir dalam zaman penjajah. Zaman penjajah ini telah di datangi oleh kuasa-kuasa barat seperti Portugis, Belanda dan Inggeris sejak dari kurun ke 15 lagi.

Kaum-kaum pedagang yang turut serta kemudiannya terutama dari negeri China, membawa bersama idea-idea senibina rumah kedai dan rumah berderet. Bentuk binaan yang telah melalui evolusi, memaparkan adunan senibina China, Melayu dan Eropah. Ini menjadikan satu bentuk identiti senibina yang dikenali sebagai 'straits eclectic style' yang tersebar luas dikalangan negeri-negeri selat. Negeri-negeri yang dikenali dengan nama negeri selat seperti Melaka, Selangor, Pulau Pinang dan Perak adalah dikalangan negeri-negeri yang mewarisi bangunan-bangunan yang bercirikan senibina zaman penjajah atau senibina kolonial.

Senibina kolonial ini pula, berbeza diantara negeri-negeri selat berikutan pengaruh kuasa yang memerintah. Misalnya negeri Melaka mengadunkan pengaruh-pengaruh Portugis, Belanda dan Inggeris. Manakala negeri Perak pula dipengaruhi oleh senibina kolonial Inggeris samasekali. Negeri-negeri taklukan Inggeris atau 'British East India' memperkenalkan konsep kelasikal perihal harmoni, 'proportion' dan perancangan

simiterikal berserta elemen-elemen klasik Greek dan Romam. Bangunan-bangunan yang dibina dari senibina 'Palladian' dan 'Georgian' yang amat popular di England diantara kurun ke 16 hingga ke 17.

#### 1.20. Objektif Kajian.

Diantara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah:

- Mengkaji samaada penerapan senibina kolonial itu merupakan satu penerapan yang sensitif atau sebaliknya.
- Mengenalpasti penyesuaian senibina kolonial kepada unsur-unsur kepenggunaan terutama dalam bangunan-bangunan yang terdapat di bandar Taiping.
- Mengenalpasti senibina kolonial Inggeris dalam konteksnya terhadap kehendak-kehendak persekitaran tempatan.
- Mengkaji aspek-aspek yang boleh diperkembangkan lagi dalam senibina kolonial yang mana boleh memperkayakan lagi senibina tempatan.
- Untuk mengenalpasti aspek penyusunan bangunan-bangunan kolonial ini dan sejauh manakah ia mempengaruhi kawasan sekitarnya.

- Mengetahui bahan-bahan binaan yang digunakan pada masa itu dan juga tataatur bangunan-bangunan kolonial dari segi perancangan.
- Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sejarah awal bandar Taiping dan juga pengaruh yang telah ditunjukkan oleh Inggeris terhadap bangunan-bangunan kolonial di bandar Taiping.

### 1.30. Skop Kajian.

Diantara skop kajian ini termasuklah :

- Kajian merangkumi aspek-aspek seperti konsep perancangan, ruang, pembinaan struktur dan sebagainya.
- Jenis-jenis dan cara-cara binaan yang digunakan pada bangunan kolonial pada masa itu.
- Sejarah dan latarbelakang bangunan-bangunan kolonial Inggeris dalam hubungannya terhadap pengaruh persekitaran tempatan.
- Ciri-ciri rekabentuk senibina kolonial yang terdapat di bandar Taiping.
- Pengkajian terhadap beberapa jenis bangunan kolonial yang terdapat di bandar Taiping seperti bangunan pentadbiran dsb.

#### 1.40. Methodologi Kajian.

Kaedah bagi kajian ini terbahagi kepada tiga peringkat.

Ini bertujuan untuk memudahkan kajian ini dijalankan.

Ianya adalah seperti berikut :

- Peringkat Awal.
- Peringkat Kajian Luar.
- Peringkat pembentangan.

##### Peringkat awal

Dalam peringkat ini segala maklumat mengenai tajuk tersebut dikumpul. Sumber-sumber bagi penyelidikan tersebut adalah seperti buku-buku rujukkan, majalah-majalah, katalog-katalog dan keratan-keratan akhbar.

##### Peringkat Kajian Luar.

Pada peringkat ini, lawatan ke tempat kajian untuk kajiselidik dimulakan. Kerja-kerja ini dilakukan pada cuti pertengahan semester. Penilaian yang lebih jelas dapat dilihat melalui:

- Cara pengamatan
- Pengambilan Gambar
- Temubual.
- Mengcungkil Kesan Permasalahan
- Lakaran

## Peringkat Pembentangan

Ini adalah merupakan peringkat yang terakhir, dimana pada peringkat ini segala data-data dan maklumat-maklumat keseluruhan dikumpul semuanya sebagai penganalisaan terakhir. Perbincangan selanjutnya dan juga rujukkan akan juga dilakukan pada peringkat ini.

**Bab 2.00. Pengaruh Luaran Dalam Perkembangan Senibina  
Tempatan**

## 2.00. Pengaruh Luaran dalam Perkembangan Senibina Tempatan

Tajuk diatas adalah merupakan tajuk yang populer dibincangkan dalam pengkajian terhadap perkembangan senibina tempatan. Terdapat percanggahan pendapat tentang punca pengaruh luaran yang membantu mencorakkan senibina tempatan. Kebanyakan daripada mereka, berpendapat bahawa senibina tempatan telah banyak menerima dan menyerapkan pengaruh-pengaruh luaran secara halus dan hampir tidak disedari. Dengan melihat sekali imbas penyerapan pengaruh-pengaruh luaran terhadap senibina tempatan, kita boleh merumuskan sejauh manakah identiti senibina kolonial Inggeris telah mempengaruhi bentuk-bentuk senibina tempatan.

Dibawah ini kita cuba lihat corak dan nilai yang diterima dari;

- i. Senibina persekitaran
  - ii. Senibina mendatang/luaran
- 
- i. Pengaruh senibina persekitaran

Perkembangan senibina Tanah Melayu ujud dari zaman kesultanan Melayu lagi. Asanya telah bertapak lama sejak dari zaman purba lagi. Dizaman kesultanan Melayu taraf dan nilai senibina hanya dapat ditafsirkan secara zahirnya sahaja tetapi pada batinnya ia masih dikongkong oleh pengaruh-pengaruh yang berunsurkan keugamaan dan penjajahan.

Tindakbalas terhadap kebudayaan, kesenian dan senibina dari tanah jajahan dan berjiran telah membantu memperkayakan seni-bina tempatan. Pengaruh persekitaran telah boleh dilihat secara kasar dengan keujudan pengubahsuaian senibina asli tempatan dengan ciri-ciri senibina luar seperti yang dapat dilihat pada rumah-rumah potong Bugis; rumah-rumah gaya minangkabau dan sebagainya. Sebenarnya pengaruh persekitaran ini berkait rapat dengan unsur-unsur dan pengaruh keugamaan, kesenian dan kebudayaan melalui perpindahan penduduk, hubungan budaya serta latar belakang pembina.

#### ii. Pengaruh Senibina Mendatang/Luaran


Corak senibina mendatang lebih merupakan corak senibina penjajahan. Dalam corak yang pertama boleh dilihat tinggalan sejarah senibina kolonial semenjak zaman penjajahan Portugis, Belanda dan Inggeris. Antara ketiganya tinggalan Inggeris telah melalui bentuk senibina yang diubahsuai dari senibina Saracen dan Mogul India mendapat tempat yang terpenting dalam perkembangan senibina tempatan.

Dalam corak kedua pula adalah dari kesan-kesan yang nyata dari pengaruh senibina China dan India.

Adalah agak sukar untuk menentukan garis pemisah antara pengaruh senibina persekitaran dengan senibina mendatang



dalam perkembangan senibina tempatan kerana dalam banyak keadaan pengaruh senibina mendatang itu terlebih dahulu diserapkan dan diterima oleh wilayah-wilayah berjiran sebelum dibawa ke Tanah Melayu melalui cara-cara yang dinyatakan tadi.



Aug 88

Bangunan rumah kedai yang mempunyai ciri-ciri kolonial ini juga dipengaruhi oleh senibina Cina.

## 2.10. Latarbelakang Senibina Kolonial

Senibina kolonial yang dilahirkan oleh penjajah Inggeris ini dipadankan pada bangunan-bangunan besar yang berfungsi sebagai bangunan kerajaan, pentadbiran, perdagangan, institusi pelajaran dan peribadatan. Secara langsung ia merupakan usaha dalam membentuk suasana yang mirip pada keadaan negeri asal, pengenalan kepada idea-idea senibina dan penyebaran sosio-budaya masyarakat Eropah.

Pada amnya senibina kolonial Inggeris dikenali sebagai mempunyai ciri-ciri 'klasikal'. Tetapi ianya sendiri adalah merupakan hasil dari pergolakan gaya senibina (architectural style) yang berlaku di benua Eropah.

Ketika mana senibina kolonial wujud ditanah-tanah jajahannya England sendiri berada diantara era gaya senibina lewat 'Georgian' (1702-1830) dan 'Victorian' (1830-1914).


Citarasa senibina pada masa itu tertumpu kepada pengembalian senibina klasikal (classical architecture Renaissance) dan zaman kebangkitan (Age of Revival). Gaya senibinanya menitikberatkan pengadunan ciri-ciri berserta elemen-elemen klasikal seperti tiang, arca (arch), dan pediment dalam melahirkan bangunan-bangunan yang indah dan menawan. Bangunan-bangunan awal dibina berdasarkan perancangan simetrikal berbentuk 'Monumental' yang menandakan konsep senibina Greek dan

Roman sepertimana yang diilhamkan oleh jurubina Itali, Andrea Palladio (1518-1588).

Bersama elemen-elemen serta hiasan motif lain, bangunan-bangunan kolonial memiliki tampak yang 'expressive' dalam 'proportion', 'harmony' dan 'horizontality'. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu dihiasi dengan arca dan pediment, tiang-tiang 3 dimensi dan pilaster yang berunsurkan Greek dan Roman. 'Projected Cornice' juga dijadikan hiasan pada bangunan yang bertingkat.


Bentuk bumbung pula menjadi tidak begitu ketara sepertimana senibina vernacular Melayu dengan bentuk-bentuk bumbung Minangkabau, tebar layar dan limas yang merupakan identiti bangunan setempat. Sebaliknya bangunan-bangunan kolonial dimahkotakan dengan elemen-elemen seperti 'pediment' yang berbentuk tiga segi, 'balustrated parapet' atau 'dutch gable'.

Rumah-rumah kediaman juga dicipta dalam gaya senibina yang sama. Rumah-rumah besar dua tingkat yang dikenali dengan status 'Mansion' atau 'Agency' ini disertai juga dengan pengaruh-pengaruh China dan Melayu. Misalnya pada hiasan dalam dan serambi terbuka di atas ruang porch. Dengan adunan ciri-ciri tersebut bentuk senibinanya dikenali sebagai 'Sino-Malay-Palladian Style'.




Kuil Maison Carrée , 117 - 138 s.m.


(Senibina Roman)




Pintu Gerbang Constantine, 312 s.m  
(senibina Roman)



a) Portico



b) Segmental  
Pediment



c) Dutch Gable

Dalam memelihara identiti senibina klasikal pada bangunan-bangunan kolonial, ia sebaliknya pula dipengaruhi oleh adunan kebudayaan masyarakat tempatan dan faktor keadaan cuaca. Ini diperlihatkan dengan penambahan 'porch' sebagai tempat persinggahan yang terlindung daripada hujan, tampak luar yang terdiri daripada bukaan tingkap ataupun sepanjangnya merupakan anjung yang membantu dalam peredaran udara. Disamping itu ia juga mempunyai bentuk bumbung yang bertindih atau yang mempunyai bukaan untuk pergerakan udara.

Dari itu, senibina kolonial yang dipandang bercirikan kebaratan pada fizikalnya boleh juga dikatakan berunsur ke-timuran dalam adaptasinya.

Lazimnya, bentuk-bentuk senibina kolonial wujud di kawasan yang menjadi nukleus dalam pembentukan sebuah bandar. Manakala aktiviti utama yang menjadi penggerak kepada pembangunan dalam sesebuah bandar tersebut terdiri daripada aktiviti pentadbiran, perdagangan, perlombongan dan pengangkutan. (Sila lihat pelan struktur bandar Taiping di lampiran belakang).

Seperti didalam perancangan awal, pusat pentadbiran yang terdapat di England biasanya diberi 'prominence' terutamanya dalam senibina bangunan yang ketara. Selain daripada itu, kawasan-kawasan perdagangan turut menitikberatkan citarasa bangunan dengan kualiti senibina selaras dengan pembangunan dibidang pembinaan, pengangkutan dan infrastruktur.

Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa penyusunan dan perancangan sesuatu kawasan itu memainkan peranan yang penting dalam perkembangan seni bina yang mana akan melahirkan identiti dan juga trend pada bangunan-bangunan tersebut.